

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI]

TARIKH : 27 OKTOBER 2021(RABU)

SOALAN

TUAN LIM KIT SIANG [ISKANDAR PUTERI] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan berapa banyakkah koleksi lukisan karyawan tempatan dan luar negara yang dimiliki oleh Balai Seni Lukis Negara yang tidak berada dalam mana-mana pameran untuk tempoh tiga tahun yang lepas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 25 Oktober 2021, Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara atau lebih dikenali sebagai Balai Seni Negara memiliki sebanyak 4,515 buah karya yang telah didaftarkan sebagai Koleksi Negara.
2. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 4,085 buah karya tidak berada dalam mana-mana pameran bagi tahun 2018 sehingga tahun 2020. Jumlah ini meliputi 3,005 koleksi karya tempatan dan 1,080 karya antarabangsa.

Sekian, terima kasih.